

### Ulasan Buku/*Book Review*

*Islam Zaman Moden Cabaran dan Konflik* oleh Fadhlullah Jamil. 1997. Batu Caves: Thinker's Library. 178 hlm. Ulasan oleh Abdul Ghafar Don.

Abad moden menyaksikan dunia dan umat Islam menghadapi dua situasi yang menggugat status quo mereka mempertahankan identiti keIslaman, iaitu apa yang boleh diistilahkan sebagai 'cabaran dan konflik'. Aspek cabaran yang dimaksudkan di sini lebih tertumpu kepada cabaran bersifat external terhadap umat Islam yang ditimbulkan oleh fahaman dan gerakan yang bertujuan menghakis dan mencabar ajaran Islam seperti Qadianisme, Zionisme dan dasar Islam Belanda di Indonesia. Manakala aspek konflik pula lebih tertumpu kepada masalah dalaman yang berlaku di kalangan umat Islam seperti di Turki dan Algeria yang memaparkan konflik atau pertembungan golongan Islamis dan nasionalis sekular.

Buku ini yang mengandungi lima bab cuba memaparkan cabaran dan konflik yang melanda Negara-negara umat Islam zaman moden khususnya di Turki, Palestine, Indo-Pakistan, Algeria dan Malaysia. Cabaran dan konflik tersebut meskipun melanda Negara-negara yang disebutkan secara khusus, tetapi ia juga merupakan cabaran dan konflik bagi dunia Islam seluruhnya. Impak atau kesannya turut dirasai umat Islam Negara lain. Isu-isu yang dipaparkan penulis dalam buku ini menarik dan relevan dengan masalah yang dihadapi umat Islam global.

Bab 1 membincangkan sejarah perkembangan Qadiani, doktrin dan ancamannya kepada umat Islam khususnya di India dan Pakistan. Penulis mendedahkan bahawa gerakan Qadiani mempunyai tujuan menghapuskan ajaran Islam, membasmi perpaduan umat serta melemahkan keyakinan mereka terhadap Islam. Qadianisme dalam masa yang sama dilihat telah bersekongkol dengan Imperialis British. Kewujudan Qadianisme di India telah memberi kesempatan British mengukuhkan kedudukan mereka di India dengan melemahkan kekuatan umat Islam. Modus operandi mereka melemahkan Islam dan umatnya dalam konteks India dan juga Pakistan ialah memperalatkan Qadianisme. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai maksud dan tujuan mereka, pihak British telah menaja Nabi pilihan mereka iaitu Mirza Ghulam Ahmad. Di Pakistan, sejak belum terbentuknya Negara Pakistan lagi, Qadiani dilihat telah menunjukkan sikap permusuhan mereka terhadap Islam. Mereka

menentang penubuhan Negara Islam Pakistan yang berpisah dengan India.

Isu-isu tentang Zionisme dan Israel dibentangkan dalam Bab 2. Bab ini memberi penumpuan kepada menganalisis isu-isu berkaitan zionisme, iaitu sejarah kelahiran, gerakan zionisme dalam menguasai dunia dan perkaitan antara Amerika Syarikat dan Zionisme. Secara asasnya, menurut Fadlullah Jamil, Zionisme berpkasikan kepada menegakkan status quo kebangsaan atau rasa kekitaan di kalangan sesama bangsa Yahudi dan memperkasakannya. Dalam masa yang sama menganggap orang atau bangsa selain Yahudi sebagai 'Goyem' (kafir). Justeru, melalui Kongres-kongres yang mereka anjurkan (29 Ogos 1897, Kongres Yahudi Sedunia di Basel, Switzerland) dan beberapa siri persidangan sulit antara 1897 hingga 1905 mereka mencari satu rumusan dan merancang menguasai dunia. Satu dokumen rahsia yang jatuh ke tangan Prof. Sergyei A. Nilus dan diterjemahkan dengan nama "*The Protocol of the Learned Elders of Zion*" telah mendedahkan protokol Zionisme tentang 'grand design' untuk mencetuskan revolusi di Rusia, rancangan menghapuskan khilafah dan Kesultanan di Turki serta menegakkan Negara Israel.

Kerosakan, pencemaran akidah dan krisis moral yang berlaku di kalangan umat Islam merupakan konflik dalaman yang memerlukan keprihatinan dan penyelesaian secara tuntas. Gerakan tajdid dan islah boleh dianggap usaha murni dalam menghadapi kemelut ini. Isu-isu berkaitan konflik dan krisis umat Islam dibincang dalam Bab 3 dengan melihat secara khusus kepada usaha-usaha tajdid dan islah Syeikh Badi'uzzaman Sa'id Nursi. Usaha-usaha ini sebahagian besarnya diterjemahkan melalui hasil karya dakwah beliau iaitu *Risala-i Nur*. Terhasilnya *Risala-i Nur* adalah sebagai respons beliau terhadap kenyataan tentang Quran oleh William Gladstone, bekas Perdana Menteri British. Penulisan kitab *Risala-i Nur* bagi membuktikan kepada dunia bahawa Quran itu kebenaran dan juga kalam Allah yang penuh dengan mukjizat.

Bab 4 mengutarakan krisis yang berlaku di Algeria. Krisis politik umat Islam yang berlaku seperti yang dibincangkan Fadlullah dalam bab ini menjadi meruncing sejak pihak tentera menafikan proses demokrasi dengan membatalkan keputusan pilihan raya 1992 yang dimenangi *Front Islamique du Salut* atau FIS. Pada hemat penulis buku ini, pihak tentera yang terdidik dengan sistem sekular

sebenarnya bimbang kedudukan dan keselamatan negara akan terjejas sekiranya pemerintahan Islam dilaksanakan di Algeria. Akibatnya FIS telah diharamkan. Lebih memburukkan keadaan, ialah campur tangan Perancis bagi melumpuhkan gerakan Islam di Algeria. Perancis secara sulit sebenarnya telah mewujudkan sebuah badan strategi khas bagi menghapuskan perjuangan Islam di Algeria. Dilaporkan Perancis telah memberi bantuan ketenteraan termasuk peluru bagi memburu dan membunuh penunjuk perasaan dan pihak yang ada kaitan dengan pergerakan Islam di Algeria. Di akhir bab ini, dirumuskan bahawa sikap prejudis Barat terhadap Islam mendorong mereka bekerjasama dengan rejim-rejim tempatan yang sekular bagi membanteras gerakan kebangkitan Islam bukan sahaja di Algeria malah juga di dunia Islam secara amnya.

Bab akhir buku ini, iaitu Bab 5 mengupas persoalan dasar Islam Belanda dengan dalang utamanya adalah Snouck Hurgronje. Di peringkat awal kedatangannya, Belanda tidaklah mencampuri urusan atau hal ehwal agam Islam secara langsung. Namun demikian menyedari bahawa survival mereka tidak akan lama sekiranya mereka tidak mencampuri hal ehwal Islam, Belanda mula bersikap responsif terhadap Islam. Oleh itu, tokoh yang dianggap berperanan penting dalam melemahkan umat Islam di Indonesia ialah Snouck Hurgronje, seorang Orientalis. Beliau lah yang bertanggungjawab memperkenalkan "*Dutch Islamic Policy*" atau *Ethical Policy* (Dasar Etika) yang mencorakkan pemikiran dan suasana umat Islam di Indonesia kemudiannya. Melalui dasar ini antaranya Hurgronje mencadangkan supaya umat Islam dicairkan pemikiran Islam mereka dengan pendidikan sekular Barat. Selain itu, pemerintah Belanda juga dicadangkan supaya membantu menghidup dan memperkuat golongan pemangku adat. Hurgronje percaya golongan pemangku adat boleh menjadi penghalang kepada gerakan kebangkitan Islam. Dengan ini kedudukan Belanda akan bertambah kukuh di Indonesia.

Secara keseluruhannya, buku ini berjaya memberikan satu perspektif yang baik dan jelas dalam mengutarakan perbincangan mengenai cabaran dan konflik yang dihadapi umat Islam zaman moden terutama di Negara-negara Islam yang disebutkan. Meskipun tidak mengemukakan kesimpulan atau rumusan terhadap semua isu yang dibincangkan dalam kelima-lima bab, namun demikian buku ini boleh dianggap satu penulisan yang ilmiah dan memberikan

sumbangan bermakna kepada memperkaya khazanah korpus ilmiah Islamiah di samping memberikan iktibar kepada pembaca terhadap krisis, konflik dan cabaran yang melanda umat Islam.

Abdul Ghafar Don, Ph.D.  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mail: a.g.don@ukm.my